



**KEMENTERIAN KEWANGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR
PERINTAH AKTA SYARIKAT (PINDAAN), 2017
PERINTAH AKTA SETEM (PINDAAN), 2017**

Kementerian Kewangan dengan ini sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Perintah Akta Syarikat (Pindaan), 2017 dan Perintah Akta Setem (Pindaan), 2017 yang dikuatkuasakan mulai 4 Mei 2017 dan beberapa inisiatif Kementerian Kewangan yang dihasratkan untuk memenuhi kehendak persekitaran perniagaan semasa supaya ianya lebih kondusif kepada iklim perniagaan dan pelaburan di Negara ini.

Perintah Akta Syarikat (Pindaan), 2017 mengandungi beberapa pindaan yang antaranya meniadakan keperluan bagi borang *Notice of Situation of Registered Office* dan borang *Returns of Allotment of Shares* untuk dimuatnaik semasa proses penubuhan syarikat. Secara keseluruhannya, dengan mengambilkira langkah penempahan nama syarikat dengan yuran \$5.00 diadakan, maka yuran keseluruhan bagi penubuhan syarikat adalah ditetapkan kepada \$300.00 sahaja.

Perintah Akta Setem (Pindaan), 2017 mengandungi pindaan bagi peniadaan keperluan bagi *Memorandum & Articles of Association* dan *Share Certificates* untuk dikenakan duti setem.

Selaras jua dengan pindaan-pindaan yang tersebut di atas, Kementerian Kewangan juga memperkenalkan pelaksanaan penambakan ke atas sistem pendaftaran secara *online* iaitu proses penubuhan syarikat hanya memerlukan satu langkah sahaja. Ini adalah berikutan dengan pencantuman langkah penempahan nama dan penubuhan kepada satu langkah.

Seterusnya, Kementerian Kewangan juga akan bekerjasama bersama agensi-agensi Kerajaan dan pihak swasta seperti *Brunei Association of Banks* bagi pengesahan dokumen-dokumen dan maklumat-maklumat yang berhubungkait dengan perniagaan dan syarikat. Pengesahan mengenai perniagaan dan syarikat bolehlah dibuat secara terus kepada Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan tanpa memerlukan dokumen-dokumen syarikat diperakui kesahihannya melalui perkhidmatan *Certified True Copy*.

Kementerian Kewangan
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 13 Sya'aban 1438
10 Mei 2017

